



KENYATAAN MEDIA

KERJASAMA PERKESO DAN PASTI BAKAL MANFAATKAN LEBIH 10,000 OBS PASTI DENGAN CARUMAN SKSPS

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini telah memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama **Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)** bagi memperluas jaringan keselamatan sosialnya kepada golongan sukarelawan guru dan petugas di bawah PASTI menerusi caruman di bawah **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO**.

Melalui kerjasama strategik ini, PERKESO dan PASTI menasarkan **100 peratus** atau lebih **10,000 orang** sukarelawan guru dan petugas yang berdaftar dengan PASTI akan dicarumkan dan dilindungi menerusi SKSPS PERKESO. Sehingga kini, seramai **9,841** sukarelawan guru dan petugas di bawah PASTI telah berdaftar dan mencarum di bawah SKSPS, PERKESO sejak **Julai 2021**.

Majlis menandatangani MoU ini telah disaksikan oleh **Datuk Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia**. MoU ini telah ditandatangani oleh **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO** dan **Ustaz Ahmad Fadhli Bin Shaari, Ahli Parlimen Pasir Mas merangkap Ketua Dewan Pemuda PAS Malaysia**, sambil disaksikan dan turut ditandatangani oleh **Encik John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif PERKESO** dan **Encik Damanhuri Bin Dol, Ketua Pengarah PASTI**.

Sukarelawan guru dan petugas wanita yang berdaftar dengan PASTI pula akan dapat menikmati insentif **SPS Padanan Caruman** di bawah Bajet 2022. **SPS Usahawanita** di bawah inisiatif SPS Padanan Caruman menasarkan golongan wanita yang bekerja sendiri dalam **20 sektor** yang telah dikenalpasti termasuklah sukarelawan dan pendidikan untuk dicarumkan dengan SKSPS PERKESO. SPS Padanan Caruman menyediakan insentif pembiayaan padanan caruman bagi **Pelan Caruman Kedua SKSPS PERKESO** yang berjumlah **RM232.80** untuk **tempoh perlindungan setahun**, di mana sebanyak **80 peratus (RM186.20)** kadar caruman akan dibayar oleh Kerajaan dan bakinya **20 peratus (RM46.60)** sahaja perlu dibiayai oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS).

Melalui kerjasama strategik seperti ini, PERKESO berharap agar lebih banyak organisasi lain akan turut mengambil langkah proaktif untuk mencarumkan pekerja mereka yang bekerja sendiri dengan SKSPS PERKESO. Ini supaya lebih ramai golongan pekerja dalam sektor *informal* di negara ini dilindungi oleh PERKESO apabila berlaku sebarang bencana pekerjaan.

Sehingga **4 Mac 2022**, hanya **15.77 peratus** atau **369,107 orang** daripada jumlah keseluruhan **2.34 juta Orang Bekerja Sendiri (OBS)** di Malaysia yang mencarum secara aktif dengan SKSPS PERKESO. Perlindungan di bawah SKSPS bukan sahaja meliputi OBS tetapi juga tanggungan mereka sekiranya berlaku kematian berkaitan bencana pekerjaan termasuklah penyakit pekerjaan. Sehingga tempoh yang sama juga, **RM6.24 juta** telah dibayar kepada **2,203 penerima faedah** termasuk **171 penerima Faedah Orang Tanggungan** yang melibatkan kes kematian semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri.

SKSPS memberi perlindungan kepada OBS daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan. Antara faedah-faedah yang disediakan di bawah skim ini adalah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional.

Keluarga Malaysia khususnya mereka yang bekerja sendiri digalakkan untuk mencarum dengan SKSPS PERKESO dengan segera.. Sementara itu, bagi OBS yang layak untuk memohon inisiatif SPS Padanan Caruman dan SPS Khidmat di bawah Bajet 2022, mereka digalakkan untuk mengemukakan permohonan dan mendapatkan maklumat lanjut bagi inisiatif tersebut dan inisiatif-inisiatif lain di bawah Bajet 2022 yang dilaksanakan PERKESO menerusi **Soalan-soalan Lazim (FAQ)** di **laman web rasmi PERKESO** melalui pautan www.perkeso.gov.my dan **media sosial rasmi PERKESO** ATAU hubungi **Careline PERKESO** di **1-300-22-8000**.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

7 Mac 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.